

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HMP 402 - Aspek-Aspek Teori Linguistik Am
dan Penerapannya

Tarikh: 16 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 Jam)

Jawab LIMA(5) soalan.

1. "...maka lahirlah satu generasi ahli-ahli bahasa yang menumpukan perhatian kepada aspek-aspek 'observable'/yang boleh dilihat dan mengenyakan aspek-aspek yang ada hubungan dengan 'introspection'/intuisi."

Nyatakan orang yang bertanggungjawab ke atas kelahiran era baru ini dan bincangkan pembaharuan yang dibawahnya kepada cara pemikiran ahli-ahli bahasa ketika itu.

2. Ramai ahli bahasa, Bahasa Melayu di Malaysia dan di Indonesia yang berpendapat bahawa ayat pasif Bahasa Melayu berasal daripada ayat aktif. Sila beri huraian perinci proses ayat aktif hingga menjadi ayat pasif bagi contoh yang berikut (Gunakan sebarang teori yang anda ketahui):

- (a) Kambing itu dilempar oleh adik kelmarin
- (b) Buku itu sudah bertulis
- (c) Bayang-bayangnya pun tidak kelihatan oleh saya
- (d) Balak itu terangkat oleh Pak Man
- (e) Ia kena pukul oleh ayahnya.

3. Mengikut teori Tatabahasa Hubungan, fungsi Rumus Pasif ialah menjadikan Objek Langsung ayat Aktif Subjek Ayat Pasif dan Subjek Ayat Aktif Chomeur Subjek Ayat Pasif. Buktikan. (Jawapan anda mesti disertai dengan contoh-contoh ayat yang sesuai).

4. Bincangkan perkembangan linguistik pada kurun ke-19. Sebutkan andaian-andaian yang menjadi landasan kepada kajian linguistik pada zaman itu dan sebutkan juga kelemahan serta kelebihanannya.
5. Asas kepada fahaman Prague ialah mengkaji bahasa mengikut fungsinya. Bincangkan.
6. Huraikan secara terperinci perbezaan pendapat di antara Henry Sweet dan J.R. Firth mengenai fonetik dan semantik.
7. Huraikan anggapan, matlamat dan cara menilaikan teori Transformasi Generatif. (Berikan contoh-contoh jika berkaitan).
8. Dengan bantuan contoh-contoh yang sesuai, huraikan ciri-ciri utama Teori Standard Transformasi Generatif.

-ooo00ooo-